

Sentiasa Berjihad

(Oleh: Abdul Majid Haji Khatib)

Umat Islam Ditindas:

“Diwajibkan atas kamu berperang, pada hal peperangan itu tidak kamu sukai; dan boleh jadi kamu benci akan sesuatu sedang ianya baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu gemarkan sesuatu sedang ianya tidak baik bagi kamu; Allah mengetahui tetapi kamu tidak mengetahui.” Begitulah maksud firman Allah dalam Sūrah al-Baqarah ayat; (216).

Oleh yang demikian, jika telah sampai masanya kita wajib berperang untuk mempertahankan agama kita yang telah dinodai oleh musuh-musuhnya, maka wajiblah kita tampil ke muka tanpa berlengah-lengah lagi. Kita tak rela agama suci kita dicerobohi. Kita tak rela dihalau keluar dari tanah tumpah darah kita sendiri.

Dengan sedih dan pilu kita selalu mendengar khabar dari radio-radio atau membaca akhbar-akhbar dan majalah-majalah berkenaan saudara-saudara kita yang beragama Islam telah ditindas dan dihalau keluar dari tanah tumpah darah mereka sendiri. Umat Islam di Palestin dihalau seperti binatang oleh syaitan-syaitan Yahudi. Umat Muslimin banyak yang lari keluar dari negara-negara Komunis. Orang-orang Islam di Ethiopia di anak tirikan oleh pemerintah yang beragama Kristian. Demikian susah payahnya mereka itu.

Sayang! Umat-umat Islam yang lain tidak dapat memberi bantuan yang positif dan efektif. Semua ini kerana kerana¹ kelemahan umat Muslimin sendiri. Sudah sampai masanya kita mesti sedar dan insaf. Susun barisan! Perbaiki kelemahan kita dan maju terus dengan petunjuk Allah dan rasul-Nya. Selidiki dan amalkan apa-apa yang termaktub dalam al-Qur’ān dan al-Ḥadīth. Patuhlah dengan sebenar-benar patuh kepada Allah dan rasul-Nya.

Hidupkan Semangat Perjuangan!

Supaya umat Islam di negara kita ini tidak ditimpa malapetaka seperti saudara-saudara kita yang lain itu, maka perlulah kita sekarang juga menanam semangat jihad yang berkobar-kobar di dalam dada dan jiwa kita. Jiwa perjuangan yang tidak mengenal kalah dan menyerah. Jiwa perjuangan seperti yang dibawa oleh Nabi besar kita dan pejuang-pejuang Islam di zaman lampau itu hendaklah kita nyalakan senyala-nyalanya. sehingga jangan dibiarkan malap atau padam sama sekali. Nyalakan semangat perjuangan kerana Allah. Maju terus dalam melaksanakan perintah-perintah Allah. Mati dan hidup kita hendaklah kerana Allah.

Janganlah perjuangan kita itu hanya di hadapkan ke arah satu medan shahaja² iaitu menggempur musuh-musuh di medan

perang semata-mata, tetapi juga di semua medan dan lapangan kita hendaklah menjadi pahlawan berjuang unuk masyarakat, berjuang untuk agama, negara, bangsa dan seterusnya yang lain-lain lagi. Kita berjuang dalam segi agama, politik, ekonomi dan sosial. Kita berjuang melawan godaan hawa nafsu yang dipengaruhi syaitan dan iblis. Kita berjuang melawan penyakit yang melemahkan semangat kita. Bahkan kita berjuang dari sekecil-kecil medan perjuangan, sehingga sebesar-besar lapangan perjuangan hidup ini. Mintalah bantuan dari Allah yang Maha Gagah Perkasa.

Kita berjuang dalam medan kita masing-masing, berani setakat mana yang kita upaya dan mampu. Umat yang tiada berjiwa perjuangan, lambat laun akan ditindas dan diperbudak-budakkan oleh umat-umat yang lebih agresif. Orang-orang yang tidak berjiwa perjuangan bolehlah diibaratkan sebagai telah mati, meskipun mereka masih hidup.

Kalau kita selidiki sejarah perjuangan umat Islam dari semenjak zaman Nabi lagi; maka kita dapati satu faktor yang menyebabkan umat Islam itu maju di zaman keagungannya, ialah kerana semangat jihad pada jalan Allah sangat meluap di jiwa mereka.

¹ Pengulangan perkataan kerana.

² Perkataan sebenarnya adalah sahaja.

Sentiasa berjihad

Semangat jihad pada jalan Allah inilah yang mendorong pejuang-pejuang Islam melangkah terus ke hadapan dalam segala bidang perjuangan. Mereka berjuang semata-mata untuk mencapai keredaan Allah yang Maha Agung.

Jangan Melampaui Batas!

Suatu perjuangan yang paling besar ialah perjuangan melawan hawa nafsu, hawa nafsu yang sentiasa didorong oleh syaitan untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah dan rasul-Nya. Hawa nafsu yang digodai oleh iblis itu hendaklah kita hapuskan dengan memperkuat **iman** dan **tauhid** betul-betul, kepada Allah. Ingat kepada Allah setiap ketika dan waktu, baik dengan hati atau dengan mulut. Patuh kepada Allah dan rasul-Nya. Cuba merapatkan perhubungan dengan Allah. Padanya kita minta pertolongan dan minta petunjuk kepada jalan yang benar.

Kita mesti tanamkan perasaan bahawa kita berjihad itu bukanlah dengan tujuan hendak mencerooboh atau bermegah-megah. Tetapi adalah semata-mata untuk mencapai keredaan Ilahi; kita berjuang kerana mempertahankan diri, harta benda, agama, bangsa dan tanah air kita. Dari sebarang pencerobohan. Kita pertahankan maruah dan hak-hak kita supaya tidak dicabuli orang-orang yang bernafsu tamak dan haloba. Bukan kita yang mencerooboh. Ingatlah firman Tuhan dalam al-Qur'ān Sūrah al-Baqarah, ayat 190 yang maksudnya lebih kurang:

“Dan perangilah di jalan Allah terhadap orang-orang yang memerangi kamu, tetapi janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya

Tuhan tiada kasih terhadap orang yang melampaui batas.”

Berwaspadalah!

Umat Islam sepatutnya jangan lekas berputus asa. Putus asa itu tanda kalah dalam sesuatu perjuangan. Kita hendaklah bersedia terus tanpa berhenti dengan segala apa yang ada untuk memperkuat diri kita. Tanamkan semangat jihad pada jalan Allah dalam diri setiap umat Islam. Dari segi ketenteraan mestilah diperkuatkan supaya sesuai dengan keadaan zaman. Negara Islam hendaklah bekerjasama dan bersatu padu dalam segala bidang. Apabila setiap umat Islam, negara Islam, dan tentera Islam telah cukup handal dan gagah, maka musuh-musuh Islam tidak akan dapat memperbudak-budakkan kita lagi. Musuh-musuh Islam itu tiada akan berpuas hati, selagi Islam tegak di dunia ini. Allah telah memberi ingat dalam al-Qur'ān seperti yang tercatat dalam Sūrah al-Baqarah ialah (217) yang maksudnya lebih kurang:

“Dan orang-orang kafir itu akan terus dengan tidak berhenti-hentinya memerangi kamu, sehingga mereka dapat menjadikan kamu meninggalkan agama kamu (menjadi kafir), seandainya mereka sanggup.”

Itulah peringatan Allah kepada umat Muslimin sekalian. Oleh itu waspadalah sentiasa, agar kita tidak menyesal di belakang hari kelak.

Memang musuh-musuh Islam itu sentiasa mencuba dengan sedaya upaya mereka untuk menubangkan Islam. Kita lihat sahaja keadaan dunia sekarang. Jika mereka gagal

dalam sesuatu peperangan dengan cara berterang-terangan, mereka akan gunakan cara lain melalui propaganda akhbar-akhbar, majalah-majalah, wayang gambar dan lain-lain lagi dengan secara halus, dan kadang-kadang tidak disedari oleh orang-orang Islam. Kadang-kadang mereka berselindung di sebalik nama-nama yang zahirnya tidak sekali-sekali menunjukkan yang mereka anti Islam. Ya! Pada zahirnya mereka bukan anti Islam, tetapi pada hakikatnya, mereka-mereka itulah musuh-musuh Islam nombor satu. Mereka meracuni jiwa anak-anak muda Islam dengan kebudayaan-kebudayaan mereka, hingga generasi-generasi Islam angkatan baru membenci agama mereka sendiri. Sungguh halus dan licin sekali tindak-tanduk mereka.

Bersatu padulah!

Di negara-negara Komunis ~~habanya~~, mereka sedaya upaya hendak mengikis agama Islam itu sehingga lenyap dari negara itu. Pengembang-pengembang agama Kristian dengan secara halus cuba memburukkan imej Islam di kalangan belia-belie Islam. Orang Yahudi telah dapat merampas Masjid al-Aqṣā di Palestin, bahkan di mana-mana pun musuh-musuh Islam itu sentiasa bekerja keras untuk menghapuskan Islam, baik dengan cara terang-terangan mahu pun dengan berselindung-selindung.

Apakah umat Islam masih mahu diam sahaja berpeluk tubuh di kala melihat semuanya ini berlaku di hadapan mereka? Tidak! Setiap orang Islam yang beriman tidak rela memperhatikan segala-gala angkara musuh-musuh itu dilakukan di hadapan mata kepala mereka. Kita mesti pertahankan agama suci kita dengan secara yang diredai Allah, baik dengan secara halus mahu

Sentiasa berjihad

pun dengan secara kasar. Marilah kita bersati padu!! Tanamkan semangat jihad kita. Pohonlah taufik dan hidayah dari Allah dan sedarlah! Kita perlu bertindak dengan tenaga yang satu, berjuang dalam setiap lapangan hidup dengan mengharapkan bantuan dari Allah yang Maha Gagah Perkasa.

Ingatlah:

Allah berserta dengan orang yang sabar.

Allah berserta dengan orang yang benar.

Allah beserta dengan orang yang beramal soleh.

Allah berserta dengan orang yang jihad pada jalan-Nya.

Allah berserta dengan orang yang taqwa.

Oleh itu marilah kita menjadi orang-orang yang beriman, yang sabar, benar, beramal soleh, berjihad pada jalan Allah, dan taqwa.

Kita mestilah maju terus berjuang dengan gagah berani pada jalan Allah, walau apa pun akan terjadi pada diri kita. Biar tulang berkecai, biar otak bersemburan, biar darah tumpah ke bumi, biar nyawa melayang meninggalkan badan, namun tekad kita tetap berjuang kerana Allah. Jadikanlah diri kita tentera Allah.

Allah berfirman:

“Janganlah kamu sangka bahawa orang-orang yang terbunuh pada jalan Allah itu mereka mati, bahawa mereka itu hidup pada sisi Allah, serta mereka mendapat rezeki. Mereka dalam keadaan

gembira disebabkan kurniaan yang dilimpahkan-Nya kepada mereka, bagi mereka bergirang hati terhadap orang-orang yang masih belum mengiringi mereka (mati), bahawa mereka tidak takut dan tiada pula mereka berdukacita. Malahan mereka bersukacita dengan nikmat dan fadilat dari Allah sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan ganjaran pahala orang-orang yang beriman.” – (Āli ‘Imrān ayat 169-171).

Di akhirnya marilah kita sekalian hidup atau mati dalam berjihad pada jalan Allah. Agar hidup dan mati kita itu tidak menjadi sesia-sia sahaja. Mati kerana Allah itulah yang dicari. Berjuanglah! Allah bersama-sama dengan kita... dan percayalah!



Kaum muslimat juga tidak mahu ketinggalan menghadiri majlis-majlis agama yang diadakan oleh “Persekutuan Seruan Islam Malaya Selangor¹” dari suatu masa ke suatu masa.

¹ Perkataan sebenarnya adalah Selangor.